

21 AUG 2003

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN KERJA KE JOHOR

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Johor.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang di Senai pada pukul 8.45 pagi disambut oleh Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Exco-exco kerajaan negeri serta para pegawai tinggi kerajaan.

Dari lapangan terbang Dr Mahathir terus bertolak ke Larkin untuk merasmikan Menara Kastam Johor. Menara setinggi 13 tingkat itu menempatkan ibu pejabat kastam negeri yang dipindahkan dari Kompleks Kastam Tanjung Puteri.

Kemudiannya pada pukul 12 tengahari Dr Mahathir dijangka akan melakukan pula upacara pecah tanah bagi projek "Festive Street Mall" satu daripada komponen pembangunan bersepadu Danga Bay yang menelan belanja RM15 bilion yang akan dibangunkan secara berperingkat dalam masa 15 tahun.

Projek pembangunan bersepadu di gigi air Pantai Lido itu antara lain mengandungi pelbagai komponen termasuk hotel dan resort, marina dan terminal feri, kompleks membeli belah, pangsapuri dan beberapa tarikan pelancong.

-- BERNAMA  
MNY MNY AZH